

**PANDUAN PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM TAHUN BAHASA MELAYU KERTAS  
1 SPM 2020 TINGKATAN 5 DAERAH MUAR**

**BAHAGIAN A**

Grafik di bawah menunjukkan sebahagian daripada kepentingan-kepentingan menjaga kebersihan dalam kehidupan.

Huraikan pendapat anda tentang kepentingan-kepentingan menjaga kebersihan dalam kehidupan seseorang. Panjangnya huraian anda hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.

- Mendisiplinkan Diri
- Menghindari Penyakit
- Meningkatkan Kebersihan Persekutaran

**Tugasan Soalan:**

Calon dikehendaki menjelaskan kepentingan-kepentingan menjaga kebersihan dalam kehidupan seseorang.

**KEMUNGKINAN:**

1. Sekiranya calon hanya mengambil **1 isi sahaja** dan memberi 2 isi lain diterima dan diperiksa seperti biasa.
2. Sekiranya calon menggunakan **1 isi sahaja** dan **dikembangkan dengan baik**, diterima dan diperiksa seperti biasa.
3. Sekiranya calon hanya menulis 2 isi sahaja- diterima dan diperiksa seperti biasa.
4. Sekiranya calon menambah idea-idea lain- diterima dan diperiksa seperti biasa. Tiada markah tambahan.
5. Sekiranya calon menerangkan **cara-cara seseorang menjaga kebersihan**, markah maksimum **Kurang Memuaskan (10-14)**.

BIL	KEPENTINGAN-KEPENTINGAN MENJAGA KEBERSIHAN DALAM KEHIDUPAN SESEORANG	KESAN KEPADA SESEORANG
1.	<b>Mendisiplinkan Diri</b> -kunci kesihatan diri -menjadi rutin dalam kehidupan -mematuhi peraturan dan etika dalam menjaga kebersihan -contoh : amalan memberus gigi pada waktu pagi, selepas makan dan sebelum tidur menjadi rutin harian setiap manusia -sentiasa memotong kuku, cuci tangan menggunakan sabun. -peka dan bertanggungjawab menjaga kebersihan	-melahirkan masyarakat yang mementingkan kebersihan -meningkatkan kesedaran sentiasa menjaga kebersihan walau di mana-mana kita berada -memupuk sikap suka akan kebersihan

2.	<p><b>Menghindari Penyakit</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>-amalan membasuh tangan menggunakan sabun selama 20 saat</li> <li>-menghalang pembiakan serangga perosak, nyamuk dan lalat</li> <li>-amalan bergotong-royong membersihkan kawasan rumah/persekutaran</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>-dapat menghindari diri daripada sebarang penyakit</li> <li>-membantu mencegah pembiakan nyamuk aedes</li> <li>-masyarakat hidup lebih sejahtera dan sihat</li> <li>-melahirkan masyarakat yang cergas dan aktif melakukan sebarang pekerjaan</li> <li>-kehidupan lebih selesa</li> </ul>
3.	<p><b>Meningkatkan Kebersihan Persekutaran</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>-kebersihan adalah tuntutan semua agama</li> <li>-tanggungjawab kita bersama</li> <li>-bebas daripada unsur-unsur yang boleh membahayakan kesihatan seperti serangga pembawa penyakit seperti tikus, lipas, nyamuk, lalat.</li> <li>-terhindar daripada unsur-unsur yang boleh mencemarkan makanan, air, udara dan tanah yang boleh membahayakan kesihatan.</li> <li>-aktiviti gotong-royong bersama keluarga</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- memastikan keperluan asas kehidupan kita sentiasa bersih.</li> <li>- mewujudkan suasana yang indah dan menenangkan fikiran.</li> <li>- menyumbang kesejahteraan emosi</li> <li>- mengurangkan risiko jangkitan penyakit</li> <li>- dapat meneruskan kehidupan lebih sejahtera</li> </ul>

## **BAHAGIAN B**

### **Soalan 1:**

Remaja kini menempuh pelbagai cabaran untuk mencari peluang pekerjaan.

Huraikan persediaan-persediaan yang perlu dilakukan oleh remaja sebelum mendapat pekerjaan.

### **TUGASAN:**

Diharapkan calon dapat menghuraikan:

1. **Pelbagai cabaran** untuk mencari pekerjaan.
2. **Pelbagai cara** untuk menghadapi persaingan dengan alam kerjaya.
3. **Sasaran:** dalam kalangan **remaja**

### **KEMUNGKINAN:**

Jika calon tidak dapat menghubungkaitkan cabaran dan cara menghadapi persaingan dengan jelas: markah maksimum **baik (maksimum 65 markah)**

Cabaran untuk mencari pekerjaan	Cara-cara untuk menghadapi persaingan dengan alam kerjaya dalam kalangan remaja
<p>1. Cabaran untuk memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan oleh majikan.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Kebanyakan majikan memandang kebolehan dan kemahiran seseorang melalui kelayakan akademiknya.</li> <li>- Walaupun kelulusan akademik sahaja belum menjanjikan jawatan</li> </ul>	<p>1. Remaja <b>perlu</b> mempunyai kelayakan akademik yang sesuai</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Remaja <b>harus</b> memilih jurusan yang sesuai seperti kejuruteraan, perubatan, pendidikan dan lain-lain.</li> <li>- Remaja <b>perlu</b> menumpukan perhatian dalam pelajaran untuk</li> </ul>

<p>yang dicita-citakan, namun jika tiada sijil, diploma atau ijazah seseorang itu sukar untuk memohon sebarang jawatan.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Segulung ijazah mampu menjamin peluang pekerjaan dalam pasaran kerjaya</li> </ul>	<p>mendapat kejayaan yang cemerlang dalam akademik.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Remaja <b>patut</b> berusaha dan bersaing secara sihat untuk berjaya dalam bidang akademik demi masa depan.</li> </ul>
<p>2. Cabaran untuk melepas sesi temu duga</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Setiap majikan akan mengadakan sesi temu duga untuk menilai bakal pekerja bagi prospektif pekerjaan bersama syarikat, organisasi, atau firma.</li> <li>- Remaja perlu mempunyai persediaan yang rapi untuk menghadiri sesi temu duga.</li> </ul>	<p>2. Remaja <b>harus</b> mempunyai kemahiran berkomunikasi</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Kebijaksanaan berkata-kata dapat menyakinkan klien dan pihak majikan kita.</li> <li>- Kemahiran berkomunikasi merupakan gabungan kemahiran seperti petah berbicara, matang dalam melontarkan idea dan pendapat serta berani lagi yakin apabila berhadapan dengan pelbagai peringkat klien.</li> <li>- Kebolehan dalam berkomunikasi juga memberi ruang kepada individu tersebut memperluas rangkaian klien dan tetamu.</li> <li>- Di peringkat nasional, tokoh-tokoh istimewa seperti Dato Dr Fadhillah, Mahathir Lokman, Dr Fatimah Al Zahra serta ramai lagi telah Berjaya membina kerjaya yang lumayan hasil kebijaksanaan berkomunikasi yang dimiliki oleh mereka.</li> </ul>
<p>3. Cabaran globalisasi</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pergantungan kepada ekonomi negara-negara maju sebagai pasaran eksport dan rakan perdagangan serta pelaburan utama.</li> <li>- Krisis ekonomi dunia turut menjelaskan ekonomi Malaysia, seterusnya menjelaskan peluang pekerjaan rakyat Malaysia.</li> </ul>	<p>3. Remaja <b>wajar</b> menguasai pelbagai bahasa</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Menguasai pelbagai bahasa adalah penting untuk memenuhi keperluan sejagat masa ini.</li> <li>- Dalam era dunia tanpa sempadan sekarang, pelbagai bahasa utama dunia seperti bahasa Inggeris, Mandarin, Arab, Perancis dan Jepun perlu dikuasai untuk memudahkan seseorang itu berkomunikasi.</li> <li>- Demikian juga dengan bahasa-bahasa utama di negara kita seperti bahasa Melayu, bahasa Cina, bahasa Tamil, bahasa Inggeris dan bahasa Arab wajar dipelajari untuk memudahkan kita merebut peluang pekerjaan.</li> </ul>
<p>4. Cabaran bidang Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT)</p>	<p>4. Remaja mestalah menguasai bidang Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT)</p>

<ul style="list-style-type: none"> <li>- Kebanyakan pekerjaan pada masa ini melibatkan penggunaan komputer dan peralatan komunikasi yang lain.</li> <li>- Kegagalan menguasai ICT akan menjelaskan kelancaran dan prestasi kerja seseorang.</li> <li>- Majikan juga tidak mahu membuang masa untuk mengajar ICT kepada pekerja baru dan akan memilih seseorang yang mahir menggunakan peralatan ICT serta aplikasi-aplikasi lain sebagai pekerja mereka.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- ICT telah menjadi wahana baru penyebaran maklumat dan menjadi jaringan komunikasi sedunia tanpa sempadan.</li> <li>- Setiap individu yang memiliki kemahiran mengakses Internet dan literasi komputer sudah tentu akan berada beberapa tapak ke hadapan terutama dalam persaingan mencari ilmu dan maklumat, malah dalam menguruskan pekerjaan juga.</li> <li>- Program-program ICT seperti Microsoft Word, Excel, data analisis dan lain-lain perisian bukan lagi asing kepada semua orang khususnya generasi Y yang mula celik computer.</li> <li>- Kita wajar bersedia untuk berdepan dengan papan kekunci elektronik tersebut supaya tidak menjadi bangsa yang jumud ibarat katak di bawah tempurung.</li> <li>- Seseorang itu hendaklah bersedia dengan pakej yang lengkap iaitu kelayakan akademik dan pengetahuan maklumat di hujung jari sebelum memasuki pasaran kerja.</li> </ul>
---	--

## **Soalan 2**

Tugas seorang anak adalah berbakti kepada kedua-dua ibu bapa mereka.

Huraikan cara-cara yang boleh dilakukan oleh anak-anak untuk berbakti kepada kedua-dua ibu bapa.

### **Tugasan Soalan:**

1. Calon perlu menulis tugasannya tentang:
  - 1.1 Cara-cara yang boleh dilakukan oleh anak-anak untuk berbakti kepada kedua-dua ibu bapa.
  - 1.2 Kesan terhadap ibu bapa atau anak-anak.
2. Konsep **ibu bapa** merujuk kepada ibu bapa kandung, ibu bapa angkat, datuk dan nenek/penjaga (anak-anak yang telah kematian ibu bapa).
3. Sekiranya calon hanya menulis karangan tentang cara-cara yang boleh dilakukan oleh anak-anak untuk berbakti kepada kedua-dua ibu bapa tetapi tidak dikaitkan dengan kesannya secara jelas, markah maksimum peringkat **Baik(51-65)**
4. Sekiranya calon menulis karangan selain **cara-cara** markah maksimum **Kurang Memuaskan (21-35)**

<b>BIL</b>	<b>Cara-cara yang boleh dilakukan oleh anak-anak</b>	<b>Kesan kepada ibu bapa / anak-anak</b>
1.	<p><b>Menghulurkan bantuan kewangan / material</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Anak bertanggungjawab memberi bantuan kewangan kepada ibu bapa terutama ibu bapa yang tidak mampu membanting tulang atas faktor usia.</li> <li>- Sumbangan itu tidak seberapa berbanding yang dibelanjakan ibu bapa untuk membesar dan mendidik anak.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Ibu bapa tidak lagi terbeban dengan kerja-kerja berat dan menjalani kehidupan yang senang-lenang serta dapat menumpukan kepada beribadat.</li> <li>- Dengan izin-Nya rezeki anak akan bertambah berkat dan melimpah-ruah.</li> </ul>
2.	<p><b>Memberi kasih sayang dan perhatian</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Anak yang baik tidak melupakan jasa dan kasih sayang ibu bapa.</li> <li>-Membalas kasih sayang yang selama ini dicurahkan ibu bapa.</li> <li>-Anak-anak perlu merajinkan diri untuk berbual-bual dan menghiburkan hati ibu bapa.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Ibu bapa tidak akan berasa kesunyian dan diabaikan oleh anak-anak.</li> <li>- Anak-anak akan menjadi contoh yang baik kepada cucu-cucu mereka.</li> </ul>
3.	<p><b>Bercakap dengan lemah lembut</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Satu cara menjaga perasaan ibu bapa adalah bercakap lemah lembut dengan mereka. Suara hendaklah direndahkan dan jangan membantah permintaan mereka.</li> <li>- Anaknya ditegah membantah kata-kata ibu bapa dengan suara tinggi atau bermaksud merendahkan kedudukan ibu bapa.</li> <li>- Lebih baik berdiam diri daripada berkata-kata yang mungkin menyenggung perasaan ibu bapa.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Ibu bapa akan senang hati terhadap respon yang diberikan kepada setiap pertuturan lemah lembut anak-anak, lantas komunikasi yang harmoni dan berkesan dapat dihasilkan.</li> <li>- Anak-anak tidak menyenggung perasaan ibu bapa yang semakin sensitif.</li> </ul>
4.	<p><b>Meluangkan masa bersama-sama</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Anak-anak yang tinggal berasingan dengan ibu bapa perlu kerap meluangkan masa mengunjungi mereka.</li> <li>- Ibu bapa berasa senang menerima kunjungan dan menatap wajah anaknya.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Dapat mengeratkan hubungan ibu bapa dengan anak-anak.</li> <li>- Anak-anak dapat mengetahui kehendak dan keperluan ibu bapa.</li> </ul>
5.	<p><b>Menghadiahkan kejayaan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Jika memperoleh kejayaan dalam pelajaran, mendapat pekerjaan, dinaikkan pangkat dan seumpamanya.</li> <li>- Ibu bapa dibawa bersama-sama dalam majlis untuk meraikan kejayaan itu.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Ibu bapa berbangga dengan kejayaan anak dan berasa pengorbanan mereka tidak sia-sia.</li> <li>- Anak-anak gembira dapat mencapai kejayaan dalam hidup dan membuat ibu bapa berbangga dengan mereka.</li> </ul>
6.	<p><b>Mendoakan kebaikan untuk ibu bapa</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Anak-anak dapat menjalani kehidupan yang bahagia dan segala urusan menjadi mudah.</li> </ul>

	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Anak perlu sentiasa mendoakan kebaikan untuk ibu bapanya.</li> <li>- Amalan mendoakan kebaikan untuk ibu bapa perlu diteruskan walaupun mereka telah meninggal dunia.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Ibu bapa dapat hidup dengan tenang dan bahagia.</li> </ul>
7.	<p><b>Berbakti kepada ibu bapa yang telah meninggal dunia</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- <b>Mendoakan</b></li> <li>- <b>Bersedekah</b></li> <li>- <b>Membaca al-Quran</b></li> <li>- <b>Menyambung silaturahim dengan sahabat-sahabat arwah.</b></li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Anak-anak akan mengingati kedua-duanya yang telah pergi dan mendoakan pengampunan serta kesejahteraan untuk mereka di alam barzakh.</li> <li>- Anak-anak dapat menjaga nama ibu bapa agar sentiasa baik dan diingati oleh sanak-saudara dan sahabat-handai arwah ibu bapa atas kebaikan yang ditunjukkan oleh anak-anak mereka.</li> </ul>

### **SOALAN 3**

3. Sidang redaksi majalah sekolah meminta anda menulis sebuah rencana untuk dimuatkan dalam buletin sekolah. Tajuk rencana anda ialah ‘Usaha-usaha Untuk Mengelakkan Perpaduan’

Tulis rencana anda selengkapnya.

### **TUGASAN:**

Karangan format rencana

- i) **Tajuk**
- ii) **Nama Penulis** (nama sebenar penulis bukan nama samaran)

Diharapkan calon dapat menghuraikan:

- 4. Usaha-usaha pelbagai pihak untuk mengekalkan perpaduan**  
**5. Kesan:** kepada masyarakat dan negara

### **KEMUNGKINAN:**

1. Calon hendaklah menerangkan usaha-usaha pelbagai pihak untuk mengekalkan perpaduan kaum dengan jelas, **layak mendapat cemerlang (markah 80 dan ke atas)**
2. Sekiranya calon hanya menjelaskan usaha satu pihak sahaja , **markah maksimum Baik Atas (markah 58 - 65 markah).**
3. Jika calon tidak menulis format rencana maksimum **Kepujian Atas (maksimum 79 markah)**

Perpaduan ialah kesepakatan seluruh masyarakat dalam sesebuah negara tanpa mengira bangsa. Setiap anggota masyarakat dapat membentuk identiti dan nilai kebersamaan serta perasaan cinta dan bangga akan tanah airnya sendiri.

Usaha-usaha pelbagai pihak untuk mengekalkan perpaduan	Kesan kepada masyarakat dan negara
<p><b>Usaha kerajaan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>-Usaha pihak kerajaan mengadakan <b>Majlis Rumah Terbuka</b> peringkat kebangsaan untuk menyambut perayaan kaum utama Malaysia.</li> <li>-Hal ini demikian kerana, semasa aktiviti ini dijalankan semua lapisan masyarakat daripada pelbagai kaum dapat hadir untuk menjamu selera dengan pelbagai juadah dan aneka minuman.</li> <li>-Pada ketika ini, masyarakat pelbagai kaum dapat berkenalan-kenalan, beramah mesra, dan bersuka ria tanpa rasa prajudis dan buruk sangka.</li> <li>-Sebagai contoh Program Rumah Terbuka sempena Aidilfitri peringkat kebangsaan yang dihadiri oleh puluhan ribu masyarakat majmuk di Malaysia. Pelbagai jenis makanan, kuih-muih, buah-buahan serta minuman dapat dinikmati oleh pengunjung sambil menyaksikan persembahan budaya daripada pelbagai kaum iaitu kaum Melayu, Cina, India, Kadazan, Iban, dan lain-lain lagi.</li> <li><u>-Kesannya masyarakat berbilang bangsa dapat merapatkan perpaduan sekali gus mengekalkan keamaman dan kesejahteraan.</u></li> <li>-Jelaslah bahawa program rumah terbuka merupakan agenda perdana yang merupakan serampang dua mata, iaitu dapat meraikan sesuatu perayaan bersama-sama di samping menjadi wahana untuk intergrasi nasional.</li> <li>-Oleh hal yang demikian, setiap kaum yang menyambut hari perayaan masing-masing, wajarlah menganjurkan aktiviti rumah terbuka dan menjemput kaum-kuam lain untuk turut meraikannya.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>-Masyarakat akan lebih memahami serta menghormati adat dan budaya suatu kaum.</li> <li>-Mewujudkan masyarakat yang saling menghormati saling memaafkan.</li> <li>-Masyarakat dapat hidup dalam suasana yang lebih harmoni.</li> </ul>
<p><b>Usaha masyarakat</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- <b>Aktiviti bergotong-royong</b> juga merupakan suatu program yang sangat relevan dianjurkan bagi mewujudkan semangat perpaduan dan mengekalkan kesejahteraan.</li> <li>- Kita sedia maklum bahawa masyarakat kita pada hari ini sangat sibuk dengan kerjaya masing-masing. Mereka keluar</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>-Masyarakat berbilang bangsa dapat merapatkan perpaduan sekali gus mengekalkan keamaman dan kesejahteraan.</li> </ul>

<p>pagi dan pulang malam, sudah tiada masa untuk duduk bersantai lebih-lebih lagi berborak-borak dengan jiran tetangga.</p> <p>- Oleh hal yang demikian, masyarakat setempat sewajarnya prihatin dan sedar dengan budaya nafsi-nafsi yang tidak sihat ini. Oleh itu, ketua masyarakat dan ahli jawatankuasa di sesuatu kawasan perlulah merangka aktiviti yang boleh menyatukan komuniti di tempat mereka.</p> <p>-Sebagai contoh, penduduk di sesuatu kawasan perumahan menganjurkan Program Gotong-Royong Muhibah, dengan menjemput semua penduduk setempat untuk sama-sama membersihkan kawasan taman perumahan mereka.</p> <p>-Dengan cara ini sudah tentu masyarakat berbilang bangsa, iaitu Melayu, Cina, India dan lain-lain akan turun padang untuk sama-sama menjayakannya.</p> <p>-Sambil bergotong-royong mereka boleh berbual-bual bercerita latar belakang masing-masing serta bantu-membantu antara satu sama lain.</p> <p>-Memupuk semangat teloransi yang tinggi, walaupun masyarakat kita berbilang bangsa, agama dan budaya.</p>	<p>-Dapat mengenali antara satu sama lain melalui perbualan dan berinteraksi.</p> <p>-Kualiti hidup masyarakat dapat ditingkatkan melalui persekitaran yang bersih .</p> <p>-Bertanggungjawab untuk menjaga kebersihan persekitaran bersama-sama.</p> <p>-Perasaan kekitaan akan wujud dalam sanubari masing-masing lantaran dapat mengekalkan keamanan dan kesejahteraan negara</p> <p>- hati gajah sama dilapah, hati kuman sama dicecah</p>
<p><b>Usaha kerajaan</b></p> <p>-Bumi mana tak ditimpa hujan, lautan mana tak bergelora, demikian bunyinya kata bidalan yang membawa erti bahawa di mana-manapun manusia tidak terlepas daripada krisis dan tidak sependapat. Begitu jugalah dengan masyarakat Malaysia yang berbeza dari segi agama, bangsa, budaya dan bahasa.</p> <p>-Oleh hal yang demikian, aktiviti yang berbentuk semangat cinta akan negara perlulah dirangka. Dalam konteks ini <b>program Sambutan Hari Merdeka</b> sangat bertepatan untuk menyatupadukan hati-hati rakyat Malaysia. Semasa aktiviti ini, rakyat berbilang bangsa dapat bekerjasama dan bersatu padu untuk menjayakan program sambutan hari merdeka.</p> <p>- Persembahan sempena hari merdeka seperti nyanyian lagu-lagu patriotik, deklamasi puisi dan ceramah mampu untuk meniup semangat patriotik dalam diri masyarakat berbilang bangsa. Malaysia Prihatin yang merupakan tema Hari</p>	<p>-Semua kaum dapat berkumpul bagi meraikan Hari Kemerdekaan negara yang kita cinta ini</p> <p>-Masyarakat berbilang kaum yang saling menyayangi,saling menghormati dan saling bekerjasama merupakan pemandangan paling indah untuk dipertontonkan kepada masyarakat di luar negara.</p> <p>-Imej negara dapat dipertingkat.</p>

Kebangsaan 2020 adalah manifestasi semangat cinta akan negara lebih daripada segala-galanya.

- Dengan kata lain, demi untuk mengekalkan keamanan dan kesejahteraan negara Malaysia rakyat sanggup melupakan perbezaan pendapat , ideologi, bangsa, dan budaya, sebaliknya merapatkan hubungan dan kerjasama.

Jelaslah bahawa sambutan hari merdeka merupakan satu wahana yang sangat penting untuk menanam perasaan cinta akan negara sekali gus dapat menghindarkan anasir-anasir yang cuba memecahkan hubungan baik antara kaum di negara kita ini.

#### Usaha **masyarakat**

-**Aktiviti rukun tetangga** juga merupakan suatu usaha yang baik bagi mewujudkan perpaduan kaum.

-Sebagai contoh kes pecah rumah kerap berlaku di kawasan perumahan yang masyarakatnya bersikap individualistik dan mengamalkan budaya tidak mahu menjaga tepi kain orang. Hal ini menyebabkan penjenayah begitu berani memecah masuk rumah dan mencuri barang.

-Sekiranya aktiviti rukun tetangga diamalkan sudah tentulah masyarakat dapat bekerjasama membuat rondaan terutama pada waktu malam. Impaknya bukan sahaja dapat mengurangkan kejadian pecah rumah malahan semangat perpaduan juga dapat ditingkatkan.

-Ironinya juga perpaduan kaum dapat direalisasikan kerana semangat bekerjasama, bantu-membantu antara kaum yang dijelmakan dalam aktiviti ini. Secara tidak langsung keamanan dan kesejahteraan dapat diwujudkan di kawasan yang komunitinya berbilang bangsa dan agama.

-Hubungan antara jiran dapat diperkuuh

- Dapat mewujudkan keharmonian masyarakat setempat.

- Keamanan negara dapat dikekalkan

#### **SOALAN 4**

Malaysia sedang melanda pandemik Covid-19 sehingga menimbulkan pelbagai masalah.

Huraikan usaha-usaha yang boleh dilakukan oleh pihak kerajaan di negara kita untuk menangani permasalahan ini.

## **TUGASAN:**

Diharapkan calon dapat menghuraikan:

6. usaha-usaha yang boleh dilakukan oleh pihak kerajaan di negara kita untuk menangani permasalahan pandemik Covid-19.
7. Pelbagai masalah timbul daripada pandemik Covid-19 seperti kematian, gangguan emosi, terjejas kesihatan, dan hilang punca pekerjaan.

## **KEMUNGKINAN:**

4. Calon menerangkan usaha-usaha yang boleh dilakukan oleh pihak kerajaan di negara kita untuk menangani permasalahan pandemik Covid-19 dan masalah-masalah yang timbul, **layak mendapat cemerlang (markah 80 dan ke atas)**
5. Jika calon tidak dapat menghubungkaitkan usaha-usaha yang boleh dilakukan oleh pihak kerajaan di negara kita untuk menangani permasalahan pandemik Covid-19 dan masalah-masalah yang timbul dengan jelas, markah maksimum **baik (maksimum 65 markah)**
6. Sekiranya calon menghuraikan usaha pihak lain, **markah maksimum Kurang Memuaskan (35 markah).**

## **JAWAPAN CADANGAN:**

Bil	Usaha kerajaan :Langkah pencegahan dan kawalan	Kesan
1	<p>-Pada 16 Mac 2020, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) mengikut peruntukan di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) dan Akta Polis 1967 (Akta 344), iaitu mulai berkuatkuasa pada 18 Mac 2020.</p> <p><b>-Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)</b></p> <p>Fasa 1: 18 Mac-31 Mac 2020</p> <p>Fasa 2: 1 April -14 April 2020</p> <p>Fasa 3: 15 April-28 April 2020</p> <p>Fasa 4: 29 April-12 Mei 2020</p> <p>Fasa 5: (PKPB) 13 Mei – 9 Jun 2020</p> <p>Fasa 6: (PKPP) 10 Jun-31 Ogos 2020</p> <p>-menggembangkan tenaga polis, tentera dan pasukan keselamatan lain</p>	<p>-harus dipuji kerana mampu mengawal pergerakan orang awam</p> <p>-menghindari wabak COVID-19 daripada merebak.</p> <p>-meningkatkan kerjasama antara agensi kerajaan</p>
2	<p>-Tindakan drastik <b>mengehadkan pergerakan orang ramai serta menutup pintu masuk negara</b> untuk mengelakkan jangkitan dibawa masuk ke dalam negara ini.</p> <p><b>-KKM menyeru masyarakat agar sentiasa berwaspada dan mengambil langkah-langkah pencegahan jangkitan COVID-19 pada setiap masa. Terus amalkan nasihat-</b></p>	<p>- mengekang penularan wabak COVID-19</p> <p>- memberi ruang kepada KKM untuk meningkatkan kapasiti kesihatan awam, makmal, klinik kesihatan dan hospital -meratakan</p>

	<p>nasihat kesihatan yang disarankan oleh KKM iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Elakkan 3S / 3C: iaitu elakkan kawasan yang sesak (Crowded place), elakkan kawasan yang sempit (Confined space) dan elak sembang atau bertutur dengan jarak yang dekat (Close conversation).</li> <li>• Amalkan 3W: iaitu kerap mencuci tangan dengan air dan sabun (Wash), sangat digalakkan memakai alat pelitup separuh muka (penutup hidung dan mulut - face mask) di tempat awam atau jika bergejala (Wear), dan (Warn) iaitu amaran dari KKM yang lebih berkonsep peringatan seperti: o Elak bersalamans / bersentuhan; o Amalkan etika batuk dan bersin; o Dapatkan rawatan segera jika bergejala; o Duduk di rumah dan elakkan kunjung-mengunjung; o Lakukan aktiviti disinfeksi dan pembersihan di kawasan yang kerap disentuh.</li> </ul> <p>-Selain itu, ingatlah kepada S.O.P, iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• S: Syarat-syarat seperti yang ditetapkan di bawah PKPB;</li> <li>• O: Orang yang berisiko tinggi seperti kanak-kanak, bayi, warga emas dan orang kurang upaya (OKU) perlu dilindungi, individu tidak sihat dan bergejala dikehendaki segera menjalani pemeriksaan kesihatan;</li> <li>• P: Penjarakan sosial (social distancing) diamalkan pada setiap masa iaitu sekurang-kurangnya 1 meter.</li> </ul> <p><b>-KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara</b> melalui maklumat yang diperoleh daripada pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah</p>	<p>lengkung (flatten the curve) graf kes COVID19.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- masyarakat dapat meluangkan masa yang berkualiti bersama-sama keluarga.</li> <li>-Ibu bapa boleh menjadi kreatif dengan melakukan pelbagai aktiviti bersama anak-anak seperti membersihkan rumah, bertukang, memasak, berkebun dan bersukan yang bersifat dalaman dan tidak perlu keluar rumah.</li> <li>-tahap kebersihan meningkat</li> </ul>
--	---	--

	pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.	
3	<p><b>Dalam tempoh PKP, KKM juga telah meningkatkan pendekatan agresif di lapangan untuk terus mengesan, menguji, mengasingkan, merawat kes-kes COVID-19 di hospital.</b></p> <p>-Kawalan dilakukan seperti melakukan pemeriksaan dan saringan kepada kontak rapat dengan pesakit. Kuarantin diri sekiranya anda baru pulang daripada mananya negara terutamanya China, Korea Selatan, Itali, Jepun dan Iran, anda dinasihatkan untuk melaporkan kepada pusat kesihatan dan melakukan kuarantin diri selama 14 hari berturut-turut.</p> <p>-ke klinik atau hospital terdekat sekiranya anda mendapat gejala seperti batuk, demam, selsema, sakit tekak dan kesukaran untuk bernafas.</p>	<p>-sejak PKP dikuatkuasakan, negara telah mempunyai kebolehan menjalankan 36,812 ujian makmal RTPCR (enam kali ganda berbanding sebelum PKP). KKM juga masih mempunyai 6,397 jumlah katil untuk COVID-19. Walaupun terdapat 442 katil ICU dikhurasukan untuk pesakit COVID-19, kini telah mula digunakan untuk pesakit-pesakit kes lain.</p> <p>-Jumlah kes aktif kini telah menurun kepada hanya 208 kes dan peratus kematian turut menurun kepada 1.4 peratus daripada jumlah keseluruhan kes. Ini menandakan Malaysia berada dalam fasa pemulihan. Kejayaan meratakan lengkung graf kes COVID-19 dan juga mengurangkan penularan kes COVID-19 di dalam komuniti adalah hasil tindakan bersama semua pihak, termasuk komuniti dan masyarakat.</p>
4	<p><b>-AKTA 342 Seperti yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kanan (Kluster Keselamatan) pada 5 Mei 2020, Kerajaan telah menujuhkan satu pasukan Task Force Operasi Pematuhan.</b></p> <p>-Pasukan ini melibatkan 14 buah agensi bagi pemantauan dan penguatkuasaan pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP) Perintah Kawalan Pergerakan di seluruh negara. Antara agensi yang terlibat dalam pasukan ini adalah seperti berikut: 1. Polis Diraja Malaysia (PDRM) 2. Angkatan Tentera Malaysia (ATM) 3. Angkatan Pertahanan</p>	<p>-membantu memutuskan rantai Covid-19        -meningkatkan tahap kecekapan agensi terbabit</p>

	<p>Awam (APM) 4. Agenzi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) 5. Jabatan Tenaga Kerja 6. Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 7. Jabatan Kerja Raya (JKR) 8. Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri 9. Jabatan Imigresen Malaysia 10. Kementerian Perusahaan Peladangan dan Komoditi a. Industri BioBahan Api Malaysia b. Lembaga Minyak Sawit Malaysia c. Lembaga Getah Malaysia d. Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia 11. Kementerian Pendidikan Malaysia 12. Pengarah Hospital 13. Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) 14. Jabatan Kerja Raya (JKR) Sarawak Semua agensi dalam pasukan ini diberi kuasa untuk menyampaikan nasihat, amaran dan sekiranya perlu boleh mengambil tindakan ke atas individu, syarikat atau industri yang didapati gagal mematuhi SOP.</p>	
5	<p><b>PEMANTAUAN PEMATUHAN PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP)</b></p> <p>-tertakluk kepada peruntukan di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342). Di bawah akta ini, mereka yang didapati gagal mematuhi SOP boleh dikenakan denda tidak lebih RM1,000 atau dipenjara tidak lebih enam bulan atau kedua-duanya sekali. Akta ini digunakan dalam pelbagai aspek pencegahan dan pengawalan wabak COVID-19 di Malaysia.</p> <p>Salah satunya adalah dalam pengurusan individu di bawah pengawasan (survelan). Pengawasan pergerakan ini dikenakan ke atas:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Individu dengan gejala jangkitan saluran pernafasan yang mempunyai sejarah melawat atau menetap di negara yang terbabit, namun tidak dimasukkan ke wad; dan</li> <li>• Individu yang merupakan kontak rapat kepada kes positif COVID-19. Individu dalam golongan ini akan menjalani Home Surveillance Order (HSO) selama 14 hari berdasarkan garis panduan</li> </ul>	<p>-menimbulkan kesedaran dalam kalangan masyarakat untuk berdisiplin dan mematuhi arahan</p> <p>-membantu pihak kerajaan mendidik masyarakat</p>

	yang ditetapkan oleh KKM. Mereka yang gagal mematuhi perintah pengawasan ini boleh dikenakan tindakan.
--	--

## **Soalan 5**

Onde-onde buah Melaka,  
 Jangan dilupa kuih ketayap,  
 Jika ilmu tidak diteroka,  
 Ibarat burung tidak bersayap.

Pantun di atas menjelaskan bahawa ilmu sangat penting dan kita perlu berusaha untuk mencari ilmu.

Huraikan faedah-faedah menuntut ilmu kepada seseorang.

### **TUGASAN:**

Calon dapat menghuraikan:

1. **Kepentingan** ilmu dalam kehidupan.
2. **Faedah-faedah** menuntut ilmu.

### **KEMUNGKINAN:**

1. Calon hendaklah menghubungkaitkan **jenis-jenis ilmu dan faedah-faedah** menuntut ilmu dengan jelas, **layak mendapat cemerlang**(markah 80 dan ke atas)
2. Sekiranya calon hanya menerangkan faedah-faedah menuntut ilmu dengan jelas, **markah maksimum Baik Atas (maksimum 58- 65 markah)**
3. Sekiranya calon hanya menulis tentang jenis-jenis ilmu sahaja,**markah memuaskan**(markah 36 – 50 markah)

Bil.	Jenis-jenis ilmu	Faedah-faedah menuntut ilmu
1.	Ilmu Komunikasi	<p><b>Seseorang itu dapat menguasai kemahiran berkomunikasi</b>            Memudahkan seseorang untuk berhubung atau berkomunikasi dengan orang lain            -menguasai Bahasa Inggeris-memberitahu tempat-tempat yang menarik kepada para pelancong            -seseorang itu akan cemerlang dalam komunikasi(dapat berkomunikasi dengan baik)            -Mewujudkan hubungan yang baik dengan orang lain.</p>
2.	Ilmu bahasa	<p><b>Seseorang itu dapat menguasai pelbagai bahasa</b>            Memudahkan seseorang memperoleh pekerjaan            -mempunyai kemahiran boleh bertutur lebih daripada 1 bahasa</p>

		<ul style="list-style-type: none"> <li>-menguasai Bahasa Inggeris dan Mandarin</li> <li>-memudahkan untuk melanjutkan pelajaran yang lebih tinggi</li> <li>-kebanyakan IPT menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa penghantar-bahasa komunikasi dunia</li> <li>-Kesannya: Seseorang itu dapat menguasai pelbagai bahasa.</li> <li>-Memudahkan urusan sehari-hari</li> <li>-Dapat berkomunikasi dengan berkesan.</li> </ul>
3.	Ilmu ICT	<p><b>Seseorang itu dapat meningkatkan kemahiran dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi</b></p> <p>Boleh mencipta pelbagai inovasi baharu</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>-memberi kemudahan kepada kehidupan sehari-hari manusia</li> <li>-telefon bimbit, komputer riba</li> <li>-Memudahkan seseorang mendapat maklumat di hujung jari</li> <li>-Kesan: Seseorang itu dapat mereka cipta perisian Menghasilkan inovasi baharu dalam bidang TMK</li> </ul>
4.	Ilmu Sejarah	<p><b>Seseorang itu dapat memupuk semangat patriotisme dan jati diri</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>-mampu memupuk perasaan cinta akan negara</li> <li>-peristiwa sejarah dijadikan pengajaran-peristiwa 13 Mei 1969</li> <li>-menjadikan sejarah sebagai sumber rujukan</li> <li>-Kesan: Peristiwa bersejarah menjadikan seseorang itu lebih menyayangi tanah air.</li> <li>- sanggup berkorban untuk negara.</li> </ul>
5.	Ilmu Agama	<p><b>Seseorang itu dapat mengukuhkan kerohanian</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- mendalami ilmu agama</li> <li>-menerapkan nilai-nilai murni dalam sanubari</li> <li>-mengelakkan perkara yang ditegah agama</li> <li>-melakukan kebaikan kepada diri sendiri, keluarga, rakan, masyarakat dan negara</li> <li>-Kesan: seseorang itu mampu mendepani pelbagai cabaran hidup dan tidak terlibat dalam masalah sosial.</li> <li>-menjamin kehidupan yang lebih baik</li> </ul>
6.	Ilmu Perniagaan	<p><b>Seseorang itu dapat memupuk minat menjadi usahawan berjaya</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>-mempelajari ilmu keusahawanan.</li> <li>-mendapatkan modal daripada institusi kewangan</li> <li>-menimba pengalaman bekerja</li> <li>-Kesan: Seseorang itu dapat memajukan diri dalam bidang perniagaan.</li> <li>-Menjadi usahawan yang berjaya..</li> </ul>